

**HUBUNGAN KEHADIRAN TRANSAKSI DENGAN PEMBELAJARAN
PELAJAR DALAM SISTEM PJJ**

CHEOW JACK SHIUNG @ TONY

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2009

**HUBUNGAN KEHADIRAN TRANSAKSI DENGAN PEMBELAJARAN
PELAJAR DALAM SISTEM PJJ**

oleh

CHEOW JACK SHIUNG @ TONY

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi
Ijazah Sarjana Sastera**

NOV 2009

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kementerian Pelajaran Malaysia yang telah memberi peluang kepada saya untuk melanjutkan pelajaran.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Prof. Hanafi Atan selaku penyelia utama saya yang telah memberi bimbingan, galakan dan nasihat yang membina dari mula saya menjalankan kajian sehinggalah selesai penulisan tesis ini dengan jayanya. Terima kasih kepada Prof. Rozhan Hj. Mohd. Idrus yang telah memberi nasihat, pandangan dan bimbingan kepada saya. Terima kasih juga kepada Prof. Madya Dr. Abdul Rahman Othman yang memberikan bimbingan dan nasihat dari aspek analisis dapatan kajian dan seminar-seminar statistik beliau.

Juga ingin saya merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada para pelajar PPPJJ, USM yang telah memberikan kerjasama dan sokongan yang secara tidak langsung menjayakan penulisan tesis ini.

Akhir kata, penghargaan ditujukan kepada keluarga saya yang telah memberikan sokongan, kasih sayang, semangat dan kekuatan kepada saya untuk mencapai cita-cita saya.

SUSUNAN KANDUNGAN

	Muka surat
PENGHARGAAN	ii
SUSUNAN KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
ABSTRAK	xiii
ABSTRACT	xv
BAB 1 : PENGENALAN	
1.1 Latar Belakang	1
1.1.1 Pendidikan jarak jauh	4
1.1.2 Kepentingan pendidikan jarak jauh dalam pembangunan negara	7
1.1.3 Pendidikan jarak jauh di Malaysia	11
1.1.4 Pendidikan jarak jauh di Universiti Sains Malaysia	14
1.1.5 Sistem sokongan PPPJJ Universiti Sains Malaysia	16
1.1.6 Kehadiran transaksi	18
1.1.7 Kehadiran transaksi dan sistem sokongan Universiti Sains Malaysia	20
1.1.8 Pembelajaran pelajar dalam pendidikan jarak jauh	22
1.1.9 Kehadiran transaksi dan pembelajaran pelajar	23
1.2 Pernyataan masalah	23

1.3	Objektif penyelidikan	25
1.4	Kepentingan penyelidikan	26
1.5	Persoalan penyelidikan	27
1.6	Hipotesis penyelidikan	29
1.7	Kerangka teori	32
1.8	Kerangka kajian	36
1.9	Batasan penyelidikan	38
1.10	Definisi operasi	39

BAB 2 : SOROTAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	41
2.2	Konsep-konsep dan teori-teori tentang interaksi	41
	2.2.1 Konsep kehadiran transaksi (KT)	42
	2.2.2 Konsep jarak transaksi	45
	2.2.3 Konsep kehadiran	46
	2.2.4 Konsep telekehadiran	48
	2.2.5 Teori interaksi dan komunikasi	50
	2.2.6 Teori kehadiran sosial	52
2.3	Kehadiran transaksi dan sistem sokongan	53
2.4	Pembelajaran pelajar (kepuasan pembelajaran, pencapaian pembelajaran dan pengelasan pembelajaran)	62
2.5	Hubungan kehadiran transaksi dengan pembelajaran pelajar	64
	2.5.1 Hubungan kehadiran transaksi pensyarah dengan pembelajaran pelajar	65

2.5.2	Hubungan kehadiran transaksi rakan sekursus dengan pembelajaran pelajar	67
2.5.3	Hubungan kehadiran transaksi institusi dengan pembelajaran pelajar	69

BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN

		72
3.1	Pengenalan	
3.2	Reka bentuk kajian	73
3.3	Populasi kajian	74
3.4	Persampelan	74
3.5	Teknik pengumpulan data	76
3.6	Instrumen kajian	76
3.7	Kesahan soal selidik	79
3.8	Kebolehpercayaan	79
3.9	Analisis data	81
	3.9.1 Analisis diskriptif	81
	3.9.2 Analisis ujian-t sampel tak bersandar	82
	3.9.3 Analisis ANOVA Satu Hala	82
	3.9.4 Analisis kolerasi	83
3.10	Andaian-andaian kajian	84
3.11	Rumusan	84

BAB 4 : ANALISIS DATA

4.1	Pengenalan	88
4.2	Analisis diskriptif maklumat demografi pelajar	89
4.2.1	Rumusan analisis diskriptif maklumat demografi pelajar	94
4.3	Analisis diskriptif soalan-soalan kajian	95
4.3.1	Analisis diskriptif soalan Bahagian B (KT pensyarah)	95
4.3.2	Rumusan analisis diskriptif soalan Bahagian B (KT pensyarah)	98
4.3.3	Analisis diskriptif soalan Bahagian B (KT rakan sekursus)	99
4.3.4	Rumusan analisis diskriptif soalan Bahagian B (KT rakan sekursus)	103
4.3.5	Analisis diskriptif soalan Bahagian B (KT institusi)	104
4.3.6	Rumusan analisis diskriptif soalan Bahagian B (KT institusi)	107
4.3.7	Analisis diskriptif soalan Bahagian B (kepuasan pembelajaran)	107
4.3.8	Rumusan analisis diskriptif soalan Bahagian B (kepuasan pembelajaran)	110
4.3.9	Analisis diskriptif soalan Bahagian B (pencapaian pembelajaran)	111
4.3.10	Rumusan analisis diskriptif soalan Bahagian B (pencapaian pembelajaran)	114
4.3.11	Analisis diskriptif soalan Bahagian B (pengekaln pembelajaran)	115
4.3.12	Rumusan analisis diskriptif soalan Bahagian B (pengekaln pembelajaran)	117

4.3.13	Rumusan analisis diskriptif soalan Bahagian B	118
4.4	Analisis pengujian hipotesis	119
4.4.1	Pengujian hipotesis pertama	120
a.	Perbandingan antara KT pensyarah dengan faktor demografi	121
b.	Perbandingan antara KT rakan sekursus dengan faktor demografi	123
c.	Perbandingan antara KT institusi dengan faktor demografi	125
4.4.2	Pengujian hipotesis kedua	128
a.	Perbandingan antara kepuasan pembelajaran dengan faktor demografi	128
b.	Perbandingan antara pencapaian pembelajaran dengan faktor demografi	131
c.	Perbandingan antara pengekalan pembelajaran dengan faktor demografi	134
4.4.3	Pengujian hipotesis ketiga, keempat dan kelima	136

BAB 5 : RUMUSAN DAN PERBINCANGAN

5.1	Pengenalan	139
5.2	Rumusan dan perbincangan	139
5.3	Implikasi	157
5.4	Cadangan kajian lanjutan	161
5.5	Kesimpulan	161

RUJUKAN	165
----------------	-----

LAMPIRAN

Lampiran A - Borang soal selidik	179
Lampiran B - Terjemahan borang soal selidik	182
Lampiran C - Normal QQ-Plot	189

SENARAI JADUAL

	Muka surat	
1.1	Perubahan status PPPJJ USM	14
1.2	Perkembangan sistem sokongan pembelajaran pelajar PPPJJ USM	18
1.3	Peluang mewujudkan kehadiran transaksi di USM	21
2.1	Keperluan pelajar PJJ	63
2.2	Harapan pelajar PJJ	64
3.1	Pemilihan sampel kajian	76
3.2	Pengagihan bilangan item dalam soal selidik Bahagian B	78
3.3	Nilai pekali <i>Cronbach's Alpha</i> setiap pembolehubah bagi ujian rintis (<i>pilot test</i>) soal selidik Bahagian B	80
3.4	Nilai pekali <i>Cronbach's Alpha</i> setiap dimensi bagi rawatan (<i>treatment</i>) soal selidik Bahagian B	80
3.5	Kekuatan perkaitan antara dua dimensi	83
3.6	Ringkasan metodologi	85
4.1	Jantina, jumlah dan peratus responden	89
4.2	Jantina dan rancangan pengajian	89
4.3	Umur, jantina dan pekerjaan	90
4.4	Pusat wilayah, jumlah dan peratus responden	91
4.5	Pusat wilayah yang terbahagi kepada 2 bahagian, jumlah dan peratus responden	91
4.6	Bangsa, jumlah dan peratus responden	92
4.7	Status perkahwinan, jumlah dan peratus responden	92
4.8	Keputusan peperiksaan terkini, jumlah dan peratus responden	93
4.9	Analisis diskriptif item-item KT pensyarah	95
4.10	Analisis diskriptif item-item KT rakan sekursus	99
4.11	Analisis diskriptif item-item KT institusi	104
4.12	Analisis diskriptif item-item kepuasan pembelajaran	108
4.13	Analisis diskriptif item-item pencapaian pembelajaran	111
4.14	Analisis diskriptif item-item pengekalan pembelajaran	115

4.15	Min keseluruhan pembolehubah	119
4.16a1	Perbandingan antara KT pensyarah dengan faktor demografi	121
4.16a2	KT pensyarah dengan jantina	121
4.16a3	KT pensyarah dengan rancangan pengajian	122
4.16a4	Ujian Pos Hoc Games-Howell antara KT pensyarah dengan rancangan pengajian	122
4.16a5	KT pensyarah dengan kaum	123
4.16a6	Ujian Pos Hoc Games-Howell antara KT pensyarah dengan kaum	123
4.16b1	Perbandingan antara KT rakan sekursus dengan faktor demografi	124
4.16b2	KT rakan sekursus dengan rancangan pengajian	124
4.16b3	Ujian Pos Hoc Games-Howell antara KT rakan sekursus dengan rancangan pengajian	125
4.16c1	Perbandingan antara KT institusi dengan faktor demografi	125
4.16c2	KT institusi dengan jantina	126
4.16c3	KT institusi dengan rancangan pengajian	126
4.16c4	Ujian Pos Hoc Games-Howell antara KT institusi dengan rancangan pengajian	127
4.16c5	KT institusi dengan kaum	127
4.16c6	Ujian Pos Hoc Games-Howell antara KT institusi dengan kaum	128
4.17a1	Perbandingan antara kepuasan pembelajaran dengan faktor demografi	129
4.17a2	Kepuasan pembelajaran dengan jantina	129
4.17a3	Kepuasan pembelajaran dengan rancangan pengajian	129
4.17a4	Ujian Pos Hoc Games-Howell antara kepuasan pembelajaran dengan rancangan pengajian	130
4.17a5	Kepuasan pembelajaran dengan kaum	130

4.17a6	Ujian Pos Hoc Games-Howell antara kepuasan pembelajaran dengan kaum	131
4.17b1	Perbandingan antara pencapaian pembelajaran dengan faktor demografi	131
4.17b2	Pencapaian pembelajaran dengan jantina	132
4.17b3	Pencapaian pembelajaran dengan rancangan pengajian	132
4.17b4	Ujian Pos Hoc Games-Howell antara pencapaian pembelajaran dengan rancangan pengajian	133
4.17b5	Pencapaian pembelajaran dengan kaum	133
4.17b6	Ujian Pos Hoc Games-Howell antara pencapaian pembelajaran dengan kaum	134
4.17c1	Perbandingan antara pengekalan pembelajaran dengan faktor demografi	134
4.17c2	Pengekalan pembelajaran dengan rancangan pengajian	135
4.17c3	Ujian Pos Hoc Games-Howell antara pengekalan pembelajaran dengan rancangan pengajian	135
4.17c4	Pengekalan pembelajaran dengan kaum	136
4.17c5	Ujian Pos Hoc Games-Howell antara pengekalan pembelajaran dengan kaum	136
4.18	Kolerasi antara pembolehubah	137
5.1	Pengaruh faktor-faktor demografi ke atas dimensi KT dan pembelajaran pelajar	163

SENARAI RAJAH

	Muka surat	
1.1	Konsep kehadiran transaksi	19
1.2	Model kerangka teori	32
1.3	Kehadiran transaksi	33
1.4	Pembelajaran pelajar	34
1.5	Hasil kajian Shin	35
1.6	Model kerangka kajian	36
2.1	Konsep kehadiran transaksi	43
2.2	Konsep jarak transaksi	46
2.3	Model teori interaksi dan komunikasi	50
3.1	Kajian hubungan antara KT pensyarah dengan kepuasan pembelajaran, pencapaian pembelajaran dan pengekalan pembelajaran.	73
3.2	Kajian hubungan antara KT rakan sekursus dengan kepuasan pembelajaran, pencapaian pembelajaran dan pengekalan pembelajaran.	74
3.3	Kajian hubungan antara KT institusi dengan kepuasan pembelajaran, pencapaian pembelajaran dan pengekalan pembelajaran.	74
4.1	Bangsa dan peratus responden	92
4.2	Status perkahwinan dan jumlah responden	93
4.3	Darjah persetujuan item-item KT pensyarah	98
4.4	Darjah persetujuan item-item KT rakan sekursus	103
4.5	Darjah persetujuan item-item KT institusi	107
4.6	Darjah persetujuan item-item kepuasan pembelajaran	110
4.7	Darjah persetujuan item-item pencapaian pembelajaran	114
4.8	Darjah persetujuan item-item pengekalan pembelajaran	117
4.9	Rumusan kehadiran transaksi	118
4.10	Rumusan pembelajaran pelajar	118

SENARAI SINGKATAN

1.1	PJJ	Pendidikan jarak jauh
1.2	P&P	Pengajaran dan pembelajaran
1.3	KT	Kehadiran transaksi
1.4	PPPJJ	Pusat pengajian pendidikan jarak jauh
1.5	USM	Universiti Sains Malaysia
1.6	OU	Open University
1.7	ICCE	International Council for Correspondence Education
1.8	UNITEM	Universiti Terbuka Malaysia
1.9	IDEA	Interactive Distance Education Applications
2.0	RPJJ	Rancangan pengajian jarak jauh

HUBUNGAN KEHADIRAN TRANSAKSI DENGAN PEMBELAJARAN PELAJAR DALAM SISTEM PJJ

ABSTRAK

Penyelidikan ini bertujuan untuk mengkaji hubungan antara Kehadiran Transaksi (KT) dengan pembelajaran pelajar. KT merujuk kepada darjah di mana seseorang pelajar jarak jauh merasa ketersediaan dan kewujudan hubungan dengan orang yang berada dalam persekitaran pembelajaran (Shin, 2003). Tiga dimensi KT dalam kajian ini ialah KT pensyarah, KT rakan sekursus dan KT institusi manakala tiga dimensi pembelajaran pelajar ialah kepuasan pembelajaran, pencapaian pembelajaran dan pengekalan pembelajaran. Hubungan ini dijalankan dengan merujuk kepada faktor-faktor demografi pusat wilayah, jantina, rancangan pengajian dan kaum. Kerangka kajian yang dibentuk dan digunakan adalah berdasarkan kepada konsep KT Shin (2002a) dan model pembelajaran pelajar Gibson (1991). Penyelidikan ini berbentuk kuantitatif dan dijalankan terhadap 615 orang pelajar tahun dua di Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh (PPPJJ), USM yang berdaftar pada Sidang Akademik 2006/2007.

Dapatan kajian ini menunjukkan KT institusi berkait secara signifikan dengan kesemua pembolehubah pembelajaran pelajar. Sementara KT pensyarah berkait secara signifikan dengan kepuasan pembelajaran dan pencapaian pembelajaran. Kesan KT rakan sekursus hanya berkait secara signifikan dengan kepuasan pembelajaran. Dapatan kajian ini menyokong sebahagian dapatan kajian Shin (2003).

Kajian faktor demografi terhadap konsep KT dan pembelajaran pelajar dalam kajian ini menyokong dimensi KT oleh Shin (2002a) dan dimensi pembelajaran pelajar

oleh Gibson (1991). Kepentingan kajian ini menunjukkan faktor demografi iaitu jantina, rancangan pengajian dan kaum boleh berkait secara signifikan dengan dimensi KT dan dimensi pembelajaran pelajar. Khususnya, rancangan pengajian merupakan faktor yang boleh mempengaruhi kesemua dimensi KT dan dimensi pembelajaran pelajar. Institusi PJJ perlu mengambil kira faktor demografi semasa menentukan KT dan kesan pada pembelajaran pelajar.

RELATIONSHIP BETWEEN TRANSACTIONAL PRESENCE AND STUDENT LEARNING IN DISTANCE EDUCATION'S SYSTEM

ABSTRACT

The purpose of this study is to investigate the relationship between the Transactional Presence (TP) and student learning. The TP refers to the degree to which a distance student senses the availability of, and connectedness with, people in his/her education setting (Shin, 2003). The TP consists of three dimensions namely lecturer TP, peer student TP and institutional TP. Student learning consists of three dimensions namely learning satisfaction, learning achievement and learning persistence. The relationship was studied based on demographic factors of regional centre, gender, academic programmes and ethnicity. The conceptual framework used in this study was based on TP concept of Shin (2002a) and student learning model of Gibson (1991). A quantitative approach was used and conducted on 615 second-year students of the School of Distance Education, Universiti Sains Malaysia enrolled in the 2006/2007 academic session.

The findings reveal that institutional TP is related to all the student learning variables. While lecturer TP is significantly related to learning satisfaction and learning achievement; and the effect of student peer TP is only related to learning satisfaction. This research partially supports Shin (2003) findings.

The investigation of demographic factors on TP and student learning support the TP concept of Shin (2002) and student learning of Gibson (1991). This study indicates

the importance of demographic factors of gender, academic programmes and ethnicity which can be significantly related to TP dimensions and student learning dimensions. In particular, the academic programmes is a factor which is related to all of the dimensions of TP and dimensions of student learning. Distance learning institutions must consider the demographic factors when determining TP and the effect on student learning.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 LATAR BELAKANG

Pendidikan boleh dijalankan sama ada secara bersemuka dalam kelas dengan pensyarah atau secara terpisah tanpa pensyarah. Masyarakat lazimnya menerima pendidikan secara bersemuka dengan pensyarah dan pensyarah harus berada di dalam kelas mengajar pelajarannya. Bagi negara yang sedang membangun, ramai pelajar tidak berpeluang ke sekolah kerana penduduk yang ramai dan kemudahan pendidikan yang terhad dan sistem komunikasi yang kurang baik. Kadar buta huruf bagi negara-negara ini tinggi. Sebagai contoh, 60% daripada jumlah penduduk di India adalah buta huruf (Moore, 1994).

Bagi negara yang sedang membangun, ramai yang mendapat pendidikan asas tetapi tidak semua pelajar dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti atau peringkat yang lebih tinggi. Orang dewasa dan orang yang sudah bekerja tidak dapat meninggalkan kerja atau meninggalkan keluarga kerana komitmen terhadap kerjaya atau keluarga. Peluang untuk melanjutkan pelajaran ke universiti juga terhad bagi mereka yang ingin meneruskan pendidikan tinggi. Hanya orang yang mampu dan mempunyai kelayakan akademik yang tinggi sahaja dipilih masuk ke pusat-pusat pengajian tinggi. Oleh itu, sistem pendidikan terpaksa menyediakan alternatif lain selain daripada

pendidikan konvensional supaya setiap orang mendapat peluang pendidikan yang sama yang menjurus ke arah pembelajaran sepanjang hayat.

Penyelidik dalam pendidikan jarak jauh telah mengkaji dan mencuba berbagai-bagai gaya dan strategi pengajaran dan pembelajaran untuk meluaskan peluang pendidikan yang tidak boleh ditangani oleh sistem pembelajaran tradisional. Contohnya, Pendidikan Gaya Pos, Pendidikan Luar Kampus, Pendidikan Bebas, Pendidikan Kendiri, Pendidikan Terbuka dan Pendidikan Jarak Jauh (Keegan, 1990).

Dalam Rancangan Malaysia Kelapan (2001-2005), usaha-usaha telah diambil untuk membangunkan budaya yang mengutamakan pembelajaran secara berterusan di kalangan rakyat selaras dengan perubahan teknologi yang pesat dan peningkatan tahap pengetahuan dan ekonomi. Pembelajaran sepanjang hayat digalakkan untuk meningkatkan produktiviti melalui Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) bagi memenuhi keperluan individu. Pelbagai kursus ditawarkan dalam program PJJ untuk menampung tahap pencapaian pendidikan dan minat yang berbeza. Program PJJ dipergiat untuk menampung 54 000 pelajar pada tahun 2005 berbanding dengan 36 000 pelajar pada tahun 2000 (Rancangan Malaysia Kelapan, 2001). Kemudahan tambahan disediakan di IPTA sementara program sedia ada diperluas bagi meliputi pilihan kursus yang lebih banyak. Sektor swasta juga digalakkan untuk menambah program PJJ (Rancangan Malaysia Kelapan, 2001).

Pelajar-pelajar yang mengikuti PJJ merupakan pelajar dewasa yang berumur antara 20 hingga 40 tahun atau lebih (Kaye & Rumble, 1981). Kebanyakan mereka

belajar secara sambilan, mereka belajar di rumah dan mereka bermotivasi tinggi (Kaye & Rumble, 1981).

Bagi pelajar yang telah bekerja, PJJ dapat meningkatkan tahap pendidikan tanpa meninggalkan pekerjaan mereka. Ia juga merupakan kaedah pembelajaran berpusatkan pelajar, pengayaan, kualiti yang lebih tinggi dan cara baru berinteraksi (UNESCO, 2002). Bagi majikan, ia menawarkan kualiti yang lebih tinggi dan dapat menambahkan keberkesanan kos dalam pembangunan profesional di tempat kerja. Ia membenarkan peningkatan kemahiran, produktiviti dan pembangunan budaya pembelajaran baru pekerjanya (UNESCO, 2002). Bagi kerajaan, potensi PJJ yang utama ialah meningkatkan kapasiti pelajar tetapi mengurangkan kos pendidikan, menyampaikan pendidikan kepada kumpulan sasaran yang tidak dapat mengikuti pendidikan konvensional, menyokong dan menambahbaik struktur pendidikan dan menggalakkan peluang pembelajaran sepanjang hayat (UNESCO, 2002).

Pendidikan melibatkan dua elemen penting iaitu pengajaran dan pembelajaran. Dalam pendidikan konvensional, aktiviti pengajaran dan pembelajaran berlaku semasa pengajar berinteraksi secara bersemuka dengan pelajar. Dalam PJJ, aktiviti pengajaran (pensyarah) terpisah daripada aktiviti pembelajaran (pelajar) dari segi masa dan tempat (Teaster and Blieszner, 1999).

Teori Jarak (Moore, 1972), Jarak Transaksi (Moore, 1980) dan kemudian Kehadiran Transaksi (Shin, 2002) telah diperkembangkan untuk mencari definisi dan teori tentang PJJ. Konsep jarak ini pada mulanya cuma menekankan pemisahan

pensyarah dan pelajar dari segi tempat dan masa. Pemisahan ini perlu ditangani oleh pensyarah, pelajar dan institusi pendidikan supaya proses pengajaran dan pembelajaran yang dirancang tercapai. Penggunaan media komunikasi boleh menjadi salah satu cara untuk mengatasi masalah Kehadiran Transaksi ini. Mengikut Boyd dan Apps (1980), transaksi bermaksud interaksi persekitaran, individu dan pola perilaku yang terdapat dalam sesuatu situasi. Jadi, dalam sistem PJJ, konsep jarak transaksi bukan sekadar menjelaskan pemisahan fizikal antara pensyarah dan pelajar tetapi merangkumi halangan psikologi dan komunikasi antara pensyarah dan pelajar (Moore, 1991). Kehadiran Transaksi yang dikemukakan oleh Shin (2002) menerangkan darjah seseorang pelajar PJJ merasa ketersediaan dan kewujudan hubungan dengan pensyarah, rakan sekursus dan institusi.

1.1.1 PENDIDIKAN JARAK JAUH

Verduin dan Clerk (1991) mendefinisikan PJJ berasaskan empat elemen yang berikut :

- i. Pensyarah terpisah daripada pelajar dalam sebahagian besar proses pembelajaran,
- ii. Pengaruh organisasi pendidikan, termasuk penilaian pelajar,
- iii. Penggunaan teknologi pendidikan untuk menyampaikan kandungan kursus dan menghubungkan pensyarah dengan pelajar,
- iv. Wujud komunikasi dua hala antara pensyarah, tutor atau agensi pendidikan dengan pelajar.

Mengikut Moore dan Kearsely (1996), istilah PJJ didefinisikan sebagai proses pembelajaran terancang yang berlaku secara tidak bersemuka yang memerlukan pendekatan khusus dalam teknik reka bentuk kursus dan pengajaran, kaedah komunikasi dan susunan pentadbiran. Pada pandangan Moore dan Kearsely (1996), sistem pembelajaran PJJ adalah terancang dan terpisah antara pensyarah dan pelajar. PJJ memerlukan perhatian dan pendekatan khusus untuk melaksanakannya. Tiga elemen khusus yang menyokong sistem PJJ :

- i. Teknik reka bentuk kursus dan pengajaran,
- ii. Kaedah komunikasi melalui elektronik dan media lain,
- iii. Organisasi dan susunan pentadbiran pendidikan jarak jauh.

Holmberg (1990) pula menyatakan istilah PJJ meliputi pelbagai bentuk pengajaran dan pembelajaran bagi semua peringkat pendidikan yang tidak berlaku di bawah pengawasan pensyarah yang hadir bersama pelajarannya di dalam bilik kuliah, atau di tempat yang sama tetapi merupakan pendidikan yang terhasil daripada perancangan, bimbingan dan tunjuk ajar oleh kakitangan organisasi pendidikan jarak jauh. Holmberg (1990) menekankan tiga elemen penting PJJ iaitu :

- i. Wujud pemisahan pensyarah dengan pelajar,
- ii. P&P dirancang dan diurus oleh organisasi PJJ,
- iii. Penggunaan media komunikasi.

Peters (1983) menyatakan PJJ ialah satu kaedah menyebarkan pengetahuan, kemahiran dan sikap yang dilaksanakan melalui prinsip organisasi, pembahagian kerja

dan penggunaan media secara meluas. Hal ini akan membolehkan pendidikan disampaikan kepada sejumlah pelajar yang ramai pada masa yang sama walau di mana sahaja mereka berada. Ia merupakan satu bentuk pengindustrian pengajaran dan pembelajaran.

Daripada analisis yang telah dibuat oleh Keegan (1980) terhadap definisi PJJ oleh beberapa orang pakar PJJ di dunia, beliau telah merumuskan dan menyenaraikan ciri-ciri PJJ sebagai:

- i. Berlakunya pemisahan antara pensyarah dan pelajar secara separa tetap sepanjang proses pembelajaran berlaku. Ciri inilah yang membezakannya dengan pendidikan konvensional yang berlaku secara bersemuka,
- ii. Penggunaan media teknikal, cetak, audio, video atau komputer untuk menghubungkan pensyarah dan pelajar dan menyampaikan isi kandungan kursus,
- iii. Terdapat organisasi pendidikan merancang, menyediakan bahan-bahan pembelajaran dan mengadakan perkhidmatan sokongan kepada pelajar. Hal ini membezakan pendidikan ini dengan pembelajaran peribadi atau program belajar bersendirian,
- iv. Mengadakan komunikasi dua hala supaya pelajar dapat berdialog dan mendapat faedah daripadanya,
- v. Ketiadaan pembelajaran dalam kumpulan sepanjang tempoh pembelajaran berlangsung. Oleh itu pelajar diajar sebagai individu dan tidak sebagai kumpulan. Kemungkinan perjumpaan bersemuka dari semasa ke semasa untuk kedua-dua tujuan didaktik dan sosial,

- vi. Terdapat lebih ciri-ciri perindustrian yang diamalkan berbanding dengan amalan dalam pendidikan konvensional.

Barker et al. (1989) pula memberikan definisi PJJ berasaskan telekomunikasi iaitu pemancaran serentak secara langsung pelajaran pensyarah dari studio ke banyak bilik kelas penerima di lokasi yang berjauhan. Komunikasi dua hala secara langsung dalam waktu yang sama, sama ada audio atau video antara pensyarah dan pelajar membolehkan pengajaran dijalankan secara interaktif.

Persatuan Pendidikan Jarak Jauh Amerika Syarikat (United States Distance Learning Association USDLA) mendefinisikan PJJ sebagai mendapatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran melalui kesemua teknologi dan bentuk-bentuk lain pembelajaran secara jarak jauh. (USDLA, 2006)

Takrifan PJJ yang digunakan dalam kajian ini meliputi wujudnya pemisahan antara pensyarah dengan pelajar dalam sebahagian besar proses pembelajaran, penggunaan media komunikasi dan sistem sokongan pembelajaran untuk menyampaikan pelajaran dan mewujudkan interaksi antara pensyarah, pelajar dan institusi.

1.1.2 KEPENTINGAN PENDIDIKAN JARAK JAUH DALAM PEMBANGUNAN NEGARA

Hasil daripada tekanan pembangunan sosial dan ekonomi, PJJ berkembang dengan cepat. PJJ telah diterima menjadi sistem pendidikan penting dan utama di negara-

negara maju dan yang sedang membangun sejak akhir-akhir ini. Pertumbuhan ini telah distimulasi oleh pensyarah yang berminat dalam penggunaan teknologi multimedia dan juga pengakuan bahawa cara tradisi mengorganisasikan pendidikan perlu dikukuhkan dengan cara yang berinovatif. Ini perlu jika hak asas setiap individu untuk mendapat peluang belajar mahu direalisasi.

PJJ menyediakan banyak peluang untuk negara-negara membangun dalam merealisasikan matlamat sistem pendidikan yang luas. Dua faktor utama yang membawa kepada ledakan minat dalam PJJ iaitu pertumbuhan keperluan untuk meningkatkan dan mengekalkan kemahiran serta kemajuan teknologi yang membuatnya berkemungkinan mengajar lebih banyak pelajar secara jarak jauh (UNESCO, 2002).

Pembangunan sosial dan ekonomi penting untuk memastikan taraf hidup yang senang bagi rakyat sesebuah negara. Dengan kemajuan yang dicapai sekarang, didapati pelabur asing gemar melabur di Malaysia. Ini adalah kerana tenaga kerja di sini kebanyakannya terlatih, bertanggungjawab dan berpengetahuan. Keadaan ini merupakan satu galakan untuk menarik pelabur datang ke negara ini. Program PJJ dapat memberi peluang kepada mereka yang bekerja untuk meningkatkan kelayakan, kemahiran dan pengetahuan. Keperluan ini dapat memastikan perkembangan ilmu yang sihat demi pertumbuhan ekonomi, sosial dan politik yang pesat (Mohd. Noor Saleh, 2000). PJJ penting kerana program ini dapat memperbanyakkan lagi rakyat yang berpengetahuan dan berilmu. Ini selaras dengan perkembangan sektor awam dan swasta di mana tanggungjawabnya semakin besar dan kompleks. Sehubungan dengan itu, sektor ini memerlukan mereka yang berkaliber, berdedikasi dan berpengetahuan untuk memastikan

mutu kerja dan perkhidmatan terus meningkat ke tahap keberkesanan yang optima. Sesungguhnya pendidikan itu penting dan harus dijadikan sebagai satu kegiatan yang berterusan dalam kehidupan manusia.

PJJ dianggap berkaitan dengan ekonomi negara, sosial, dan pembangunan budaya (UNESCO, 2002). PJJ boleh membina masyarakat berpengetahuan dan secara tidak langsung membawa kepada perkembangan ekonomi negara (UNESCO, 2002). Masyarakat mendapat kecekapan dalam pemprosesan maklumat ke pengetahuan dan mengaplikasikannya dalam kerja dan kehidupan seharian. Kepentingan pengetahuan sebagai komponen asas ekonomi telah mempengaruhi kerajaan dalam pembangunan pengetahuan sumber manusia.

Perubahan teknologi yang pesat memaksa lebih ramai orang mempelajari kemahiran baru untuk memahami kerja mereka. Tekanan ekonomi memaksa pemberhentian perniagaan lebih kerap berbanding dengan masa lalu menyebabkan pekerja perlu dilatih semula untuk kerjaya baru. Kesan daripada peningkatan tekanan sosial juga memaksa orang dewasa mencari pendidikan tambahan. Jadi, PJJ muncul sebagai cara untuk memenuhi keperluan populasi ini termasuk orang dewasa yang bekerja, pelajar yang mempunyai latar belakang pendidikan yang lemah dan pelajar yang tidak dapat dan tidak akan menyertai pendidikan konvensional (Sheets, 1992).

Sehubungan itu, sistem PJJ dijalankan untuk kakitangan meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka supaya lebih cekap dan efisien dalam kerjaya mereka. Sistem

ini merupakan sebahagian daripada proses pendidikan berterusan untuk jangka pendek atau jangka panjang yang dijalankan secara jarak jauh (UNESCO, 2002).

Dari segi sejarah, institusi PJJ telah bermula pada pertengahan kurun ke-19. Pada masa itu, institusi pendidikan jarak jauh dikenali sebagai institusi gaya pos. Ketika itu, bahan pembelajaran yang digunakan ialah bahan cetak. Bahan cetak dihantar melalui pos. Pendidikan gaya pos telah kukuh di Amerika Syarikat dan Eropah pada pertengahan akhir kurun ke-19 (Rowntree, 1994). Pada tahun 1938, International Council for Correspondence Education (ICCE) telah ditubuhkan di Vancouver, Kanada (Moore, 1990). Pada tahun 1982, nama ICCE telah ditukar kepada International Council for Distance Education (ICDE) di Persidangan Antarabangsa ke-12 ICCE.

Rowntree (1994) menyenaraikan nama PJJ atau pendidikan terbuka mengikut kronologi iaitu National Extension College (1963), Open University (1971), Open Tech Programme (1983/87), Open college of the Arts (1986), Open College (1987), Open Learning Foundation (1988) dan Open School (1989).

The Open University (OU) United Kingdom telah menjadi model dan pendorong kepada penubuhan institusi PJJ di Jerman, Sepanyol, Israel, Pakistan, Costa Rica dan Venezuela. Mod OU telah menjadi ikutan hampir 50 buah universiti (Daniel, 1996). OU merupakan universiti pertama di dunia yang menawarkan PJJ dan telah mengambil lebih daripada 24 000 pelajar pada tahun pertama perlaksanaannya. Pada tahun 1992, OU mempunyai 77 000 pelajar siswazah dan kini bilangannya telah meningkat kepada 150

000 menjadikannya sebuah mega universiti (Daniel, 1996). Setakat ini OU telah mengeluarkan satu setengah juta siswazah (Rowntree, 1994). Antara ciri-ciri unik yang diperkenalkan oleh OU ialah syarat kemasukan tanpa kelulusan, pengumpulan jumlah kredit daripada kursus bermodul untuk mendapatkan ijazah dan pembinaan bahan kursus secara berpasukan.

PJJ gaya pos juga berkembang di negara yang mempunyai jumlah penduduk yang tidak ramai seperti Kanada, Australia dan New Zealand. Kawasan ini terlalu luas dan penempatan penduduknya sangat jauh antara satu dengan yang lain. Akhir-akhir ini, PJJ telah mula diterima oleh negara yang mempunyai jumlah penduduk yang ramai. Hal ini mungkin disebabkan masalah kekurangan tempat belajar dan bukannya disebabkan oleh masalah geografi seperti yang tersebut di atas. Justeru itu, pendekatan PJJ merupakan satu trend ke arah penyelesaian kepada sesuatu masalah tertentu (Evans & King, 1991). Masalah geografi, komitmen kepada kerja dan keluarga, masa dan peluang belajar bukan lagi merupakan faktor penentu memilih belajar secara jarak jauh tetapi oleh sesuatu keadaan atau fenomena semasa.

1.1.3 PENDIDIKAN JARAK JAUH DI MALAYSIA

PJJ di Malaysia berkemungkinan bermula selepas Kementerian Pelajaran merangka Program Pelajaran Sambilan dan Lanjutan yang tersurat dalam Penyata Jawatankuasa Pelajaran Tinggi 1964 (Yusup & Syarifah, 1999). Pendidikan ini bermula dengan wujudnya sekolah gaya pos yang menyediakan peluang belajar kepada pelajar-pelajar yang gagal melanjutkan pelajaran ke tingkatan lima atau enam untuk menduduki

peperiksaan Higher School Certificate atau School Senior Cambridge. Institut awal yang menyediakan pendidikan gaya pos atau koresponden ialah Raffles Correspondence College, Malaysian Correspondence College, Maktab Adabi dan Maktab Federal.

Bagi pendidikan tinggi pula, Universiti London dengan kerjasama Majlis Peperiksaan Malaysia menawarkan ijazah luaran secara gaya pos. Pada tahun 1971, Universiti Sains Malaysia telah dipilih untuk menjalankan program ijazah secara luar kampus. Pada tahun 1990 pula, Institut Teknologi Mara menawarkan kursus-kursus di peringkat diploma dalam bidang pentadbiran awam, pengajian bank dan pengajian perniagaan (Hamidah, 1993). Pada tahun 1995, Universiti Kebangsaan Malaysia menawarkan program Ijazah Sarjana Perubatan Keluarga dan pada tahun 1996 Ijazah Sarjana Muda Sains (Matematik), Sarjana Muda Sains (Pendidikan Matematik), Sarjana Muda Sastera (Pengurusan Perniagaan), Sarjana Muda Sastera (Komunikasi Psikologi) dan Diploma Pendidikan. Pada tahun 1996, Universiti Malaya menawarkan program Sarjana Muda Kejuruteraan dan Perubatan manakala Universiti Putra Malaysia menawarkan Sarjana Muda Sains Komputer. Pada tahun 1999, Universiti Terbuka Malaysia (UNITEM) telah ditubuhkan. Penubuhan UNITEM telah menunjukkan bahawa pendidikan jarak jauh telah menjadi semakin popular dan terdapat permintaan yang tinggi terhadap pembelajaran melalui kaedah ini. Dengan permulaan pembukaan yang hanya ada 753 pelajar pada tahun 2001, UNITEM telah mencapai lebih daripada 38 000 pelajar dalam tahun kelima operasinya (UNITEM, 2006).

Terdapat dua kemungkinan mengapa PJJ berkembang. Pertama, pendekatan pengajaran bersemuka atau konvensional tidak dapat disediakan di peringkat pendidikan tinggi. Kedua, pendekatan pendidikan jarak jauh memberi kebebasan belajar dan menggalakkan pembelajaran individu. Perkembangan ini boleh dilihat dari segi keperluan pelajar dan keperluan pensyarah dalam sesebuah organisasi. Dari segi pelajar, terdapat banyak pelajar yang berminat dan layak memasuki institusi pendidikan tetapi tidak dapat diterima masuk kerana kekurangan tempat belajar. Ada pula pelajar yang layak masuk tetapi tidak boleh meninggalkan kerja atau keluarga atau lebih suka memilih belajar secara bebas dan individu. Terdapat juga pelajar yang ingin meningkatkan dan mengemaskinikan kelayakan, pengetahuan atau kemahiran tertentu tetapi tidak dapat meneruskan pengajian kerana sebab-sebab yang tersebut di atas. Bagi mereka, PJJ merupakan peluang kedua untuk mendapatkan kelulusan yang lebih baik. Sebagai contoh, program pendidikan jarak jauh di Malaysia dilancarkan pada tahun 1971 kerana memberi peluang kepada pelajar yang tidak berpeluang mengikuti program sepenuh masa untuk memperbaiki taraf sosioekonomi selepas memperoleh ijazah (Laporan RPLK, 1981).

Dari segi pensyarah, bilangan pelajar yang mengikuti pengajaran konvensional melebihi nisbah pensyarah yang diperuntukkan. Organisasi pendidikan tidak dapat menyediakan tenaga profesional yang mencukupi serta menghadapi kekurangan kemudahan fizikal dan sistem sokongan pengurusan. Kos membiayai penambahan tenaga pengajar dan kemudahan-kemudahan lain meningkat. Oleh itu, pendekatan pendidikan jarak jauh merupakan alternatif yang paling baik untuk menyelesaikan masalah ini.

1.1.4 PENDIDIKAN JARAK JAUH DI UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Pada tahun 1969, Universiti Sains Malaysia telah ditubuhkan dan pada tahun 1971, USM memulakan rancangan pengajian Pendidikan Jarak Jauh melalui Unit Luar Kampus. Seterusnya pada tahun 1978, unit ini berkembang menjadi Unit Pengajian Luar Kampus. Pada tahun 1982, sekali lagi unit ini telah dinaiktaraf menjadi Pusat Pengajian Luar Kampus. Bilangan pelajar dan jenis kursus yang ditawarkan semakin bertambah. Pada tahun 1973, hanya kursus fizik dan matematik telah ditawarkan diikuti dengan kursus sains pemulihan pada tahun 1978 (Md. Noor, 1993). Sesuai dengan perkembangan semasa, nama Pusat Pengajian Luar Kampus ditukar kepada Pusat Pendidikan Jarak Jauh pada tahun 1994 dan akhir sekali kepada Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh dalam tahun 1998. (Jadual 1.1).

Jadual 1.1: Perubahan Status PPPJJ USM (Saleh, 1999)

Tahun	Status
1971	Unit Luar Kampus (ULK)
1978	Unit Pengajian Luar Kampus (UPLK)
1983	Pusat Pengajian Luar Kampus (PPLK)
1994	Pusat Pendidikan Jarak Jauh (PPJJ)
1998	Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh (PPPJJ)

Guru merupakan golongan yang paling ramai mengikuti program PJJ (Qasim & Abd. Rasit, 1992). Kursus-kursus yang ditawarkan adalah setara dengan kursus-kursus yang diikuti oleh pelajar dalam kampus. PJJ Universiti Sains Malaysia terus berkembang

terutama dari segi perkembangan kurikulum. Pada sidang akademik 1995/96, sejumlah 178 kursus telah ditawarkan kepada pelajar luar kampus (Qasim, 1995). Pada tahun 1994, kursus kejuruteraan peringkat ijazah sarjana muda telah ditawarkan dan diikuti pula oleh kursus ijazah sarjana muda pendidikan pada tahun 1995 dan kursus Sarjana Muda Pengurusan pada tahun 1997. Jangka masa pengajiannya ialah paling minimum 4 tahun dan maksimum 12 tahun. Pada masa ini, pelajar yang menamatkan pengajian di Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh akan dianugerahkan salah satu Ijazah Sarjana Muda berikut iaitu, Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian), Ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Kepujian), Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan (Kepujian).

Sejak mula diperkenalkan hingga sekarang, Rancangan Pengajian Jarak Jauh telah banyak mengalami perubahan. Pada tahun 1970 hingga 1991, sistem pengajian 4+1 dan 5+1 diamalkan. Sistem ini memerlukan para pelajar mengikuti pengajian secara jarak jauh selama 4 atau lima tahun dan kemudiannya mengikuti pengajian sepenuh masa selama setahun. Mulai sidang akademik 1992/93 (Sains) dan sidang akademik 1993/94 (Sastera), sistem 5+0 telah diperkenalkan di mana pelajar tidak perlu mengikuti pengajian sepenuh masa dalam kampus. Mulai sidang akademik 1996/97, sistem pengajian empat dan lima tahun (SPELT) diperkenalkan. Sistem pengajian empat tahun Milinium telah diperkenalkan mulai sidang 2000/2001.

Objektif Rancangan Pengajian Jarak Jauh USM adalah untuk membolehkan pelajar dewasa yang tidak mendapat peluang mengikuti pendidikan tinggi dapat

mengikuti hingga memperoleh kelayakan ijazah dan mengurangkan jurang peluang mendapatkan pendidikan tinggi antara kaum di negara ini. Selain itu, ia dapat membawa pendidikan tinggi ke kawasan yang kurang maju dari segi ekonomi, mempertingkatkan lagi daya pengeluaran pekerja-pekerja terlatih serta memajukan daya pengeluaran pekerja yang telah mempunyai pekerjaan dengan mengemaskinikan pengetahuan dan kebolehan mereka. Ia juga dapat menawarkan satu program yang lebih menarik kepada kalangan ahli masyarakat yang sedang bekerja dengan mengetengahkan program yang mempunyai daya saing kepada program-program jarak jauh yang ditawarkan di tempat lain. Di samping itu, ia dapat mencerminkan kemajuan teknologi dan kemajuan lain yang berkait dengan P&P jarak jauh di USM.

1.1.5 SISTEM SOKONGAN PPPJJ UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Sistem sokongan pembelajaran berkait rapat dengan Kehadiran Transaksi (KT) iaitu KT pensyarah, KT rakan sekursus dan KT institusi. KT mempengaruhi pembelajaran pelajar iaitu kepuasan pembelajaran, pencapaian pembelajaran dan pengekalan pembelajaran (Shin, 2003). Oleh itu, PPPJJ USM berusaha memperbaiki sistem sokongan pembelajaran dari semasa ke semasa. Pada permulaannya di PPPJJ USM, nota-nota kuliah yang bercetak merupakan bahan utama pembelajaran (1971-1982). Mulai tahun 1983, komponen utama bahan pembelajaran ialah bahan bercetak iaitu modul sendiri dan bahan pengajaran multimedia. Bahan-bahan multimedia seperti pita video, audio, rancangan radio telah digunakan sebagai bahan-bahan sokongan pembelajaran kepada modul. Sistem sokongan seperti kursus intensif telah diamalkan sejak 1971. Semasa kursus intensif, para pelajar dikehendaki menghadiri kuliah-kuliah di

Kampus Utama USM. Lawatan pensyarah ke pusat-pusat wilayah diamalkan antara tahun 1971 hingga 1982. Lawatan oleh pensyarah ke pusat-pusat wilayah telah dimansuhkan kerana kos yang tinggi. Ia telah diganti oleh lantikan tutor separuh masa yang mengendalikan tutorial dan menyelia amali sains untuk pelajar-pelajar program sains sahaja.

Pada sidang akademik 1988/89, sidang audio telah diperkenalkan (Yusup & Sharifah, 1999). Sidang ini menggunakan teknologi komunikasi yang dapat mendekatkan pelajar dengan pensyarah melalui hubungan audio secara langsung antara pensyarah di USM dengan pelajar di sepuluh pusat wilayah di Semenanjung Malaysia. Pada sidang akademik 1991/92, sidang audio grafik pula diperkenalkan dan seterusnya sistem ini diganti dengan sidang video pada tahun 1995 (Yusup & Sharifah, 1999). Mulai tahun 1997, multimedia berasaskan komputer telah digunakan. Portal e-pembelajaran mula diperkenalkan pada 1 Disember 2003 sebagai salah satu daripada khidmat sokongan yang disediakan kepada pelajar. Portal pada mulanya dibangunkan secara 'homegrown' dan telah melalui ujian rintis selama 5 bulan sebelum versi kedua mula digunakan sepenuhnya mulai Sidang Akademik 2004/2005. Seterusnya, pada Sidang Akademik 2005/2006, portal e-pembelajaran PPPJJ sekali lagi bertukar wajah kerana sistem pembelajaran berasaskan Moodle, Sistem Pengurusan Pembelajaran Sumber Terbuka (open-source) mula digunakan. Paparan yang lebih menarik dan fungsi yang lebih versatil menyebabkan portal e-pembelajaran mendapat sokongan yang menggalakkan daripada kalangan pensyarah dan juga pelajar PPPJJ (PELAPOR, 2007). Antara bahan-bahan yang boleh diakses melalui portal e-pembelajaran ini ialah nota tambahan, nota kelas sidang

video, soalan peperiksaan lepas, gred tugas, gred peperiksaan berterusan, jawapan kepada tugas dan kuiz. Selain itu, pelajar boleh berinteraksi dengan pensyarah dan rakan sekursus melalui ruang forum bagi setiap kursus yang didaftarkan (Buku Panduan Sidang Akademik 2003 & 2004 dan 2005 & 2006). Perkembangan ICT pembelajaran pelajar PPPJJ USM tersebut ditunjuk dalam Jadual 1.2.

Jadual 1.2: Perkembangan ICT Pembelajaran Pelajar PPPJJ USM


Tahun	Jenis
1988-91	Sidang audio
1992-95	Sidang audio grafik
1995-kini	Sidang video
1997	Multimedia komputer & Perpustakaan Virtual USM
2003-05	Sistem Pengurusan Pembelajaran IDEA
2005-kini	Portal Sistem Pengurusan Pembelajaran Moodle

Sejak tahun 1971, PPPJJ USM telah menyediakan pelbagai khidmat sokongan pembelajaran sama ada secara langsung atau tidak langsung untuk menyokong proses pengajaran pembelajaran pelajar-pelajarnya. Sokongan secara langsung merupakan khidmat sokongan oleh institusi sendiri seperti sidang video yang membolehkan interaksi secara langsung antara pelajar dan pensyarah diadakan. Sokongan tidak langsung pula merupakan aktiviti atau fungsi institusi dalam menjadi perantaraan para pelajar seperti menyusun perjumpaan para pelajar dan menyebarkan maklumat daripada pelajar kepada pelajar.

1.1.6 KEHADIRAN TRANSAKSI (KT)

Konsep KT yang dikemukakan oleh Shin (2002a) bermaksud darjah seseorang pelajar pendidikan jarak jauh merasa kewujudan psikologi dengan pensyarah, rakan

sekursus dan institusi. Kehadiran psikologi terbahagi kepada dua sub-dimensi iaitu ketersediaan dan kewujudan hubungan seperti Rajah 1.1.



Rajah 1.1: Konsep Kehadiran Transaksi (Shin, 2002a)

Peranan dan keberkesanan pensyarah dalam PJJ tidak boleh diabaikan. Menurut Quimbo (2002), pensyarah menyediakan perkhidmatan pemeriksaan tugas, mengurangkan masalah dalam aspek bahan pembelajaran, menyediakan pemahaman yang mendalam terhadap bahan pembelajaran, memberi maklum balas terhadap pembelajaran dan memberi sokongan kemanusiaan.

Gaskell dan Simpson (2000) dalam kajiannya mendapati pelajar memerlukan pensyarah yang mengenali kursus dengan baik, mesra, memberi tutorial yang baik, memberi maklum balas terhadap tugas, membantu memperkembangkan kemahiran-kemahiran pembelajaran dan mudah dihubungi. Ciri-ciri pensyarah ini dapat mewujudkan KT pensyarah.

Dillon et al. (1992) dalam kajiannya mendapati responden kajian mementingkan bantuan yang diberi oleh pensyarah. Responden berpuas hati dengan peluang-peluang KT

yang terdapat dalam sistem. KT rakan sekursus sama ada di dalam kelas atau di luar kelas dianggap penting oleh responden. Responden telah memberi cadangan untuk meningkatkan KT iaitu melalui telefon semasa waktu pejabat, panduan belajar dan bahan bacaan tambahan. Mereka juga ingin senarai telefon rakan sekursus agar dapat meningkatkan KT rakan sekursus.

KT institusi penting kerana pelajar memerlukan bantuan daripada institusi dalam menyelesaikan masalah pembelajaran seperti masalah berkaitan dengan sistem sokongan (Shin, 2002b).

1.1.7 KEHADIRAN TRANSAKSI DAN SISTEM SOKONGAN DALAM RPJJ, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Konsep asas mengenai pendidikan jarak jauh ialah wujudnya pemisahan antara pensyarah dan pelajar oleh jarak dan kadang-kadang oleh masa (Moore & Kearsley, 1996). Ciri inilah yang membezakan pendidikan ini dengan pendidikan konvensional yang berlaku dalam bilik darjah secara bersemuka antara pensyarah dan pelajar. Jadi, institusi PJJ memerlukan sistem sokongan untuk mewujudkan KT pensyarah, KT rakan sekursus dan KT institusi. Kehadiran Transaksi membolehkan pelajar merasa kehadiran psikologi dengan pensyarah, rakan sekursus dan institusi.

Di PPPJJ USM, maklumat, isi pelajaran, arahan dan komunikasi antara pensyarah dan pelajar terpaksa dilangsungkan dengan menggunakan media komunikasi. Media cetak, audio, video dan komputer telah digunakan untuk tujuan tersebut. Di samping itu,

pelajar juga telah diberikan sokongan melalui kemudahan menggunakan perpustakaan, pusat wilayah di luar kampus, nasihat dan bimbingan.

Dalam sistem sokongan PPPJJ USM, pelajar diberikan bahan pembelajaran bercetak untuk dibaca sendiri. Kemajuan dalam teknologi percetakan dan sistem pos telah meningkatkan pendekatan belajar gaya pos. Di samping itu, bahan media seperti pita video, CD komputer dibekalkan mengikut keperluan kursus untuk menyokong proses pembelajaran. Pensyarah akan mengawasi kemajuan pelajarinya pada waktu-waktu yang tertentu. Tugas dan bacaan tambahan dihantar melalui pos atau portal sistem pengurusan pembelajaran pada awal sidang akademik kepada pelajar. Perkembangan dalam teknologi komunikasi telah memudahkan dan meningkatkan lagi perkhidmatan pendidikan jarak jauh. Pelajar boleh dihubungi secara cepat menggunakan telefon, mel elektronik, faksimili dan portal sistem pengurusan pembelajaran. Di samping itu, kelas terpisah seperti telesidang audio, telesidang video atau komputer disediakan untuk membolehkan pelajar dan pengajar berinteraksi seolah-olah bersemuka secara jarak jauh. Cara ini dapat menggantikan pengajaran bersemuka yang tidak dapat disediakan untuk pelajar jarak jauh.

Peluang untuk mewujudkan KT adalah pada masa dan keadaan yang ditunjukkan dalam jadual di bawah:

Jadual 1.3: Peluang Mewujudkan Kehadiran Transaksi

Jenis Kehadiran Transaksi	Aktiviti Bersemuka	Aktiviti Tidak Bersemuka
Kehadiran Transaksi	-di dalam kelas sidang video -di luar kelas sidang video	-interaksi pelajar-pensyarah melalui Sistem Pengurusan

Pensyarah	(untuk pelajar di kampus induk sahaja) -semasa kursus intensif -di luar kelas kursus intensif -ketika datang ke kampus USM -kelas amali untuk pelajar yang mengambil kursus sains	Pembelajaran -internet -laman web PPPJJ USM -telefon -mel elektronik -surat -faks -modul terancang -CD rakaman video
Kehadiran Transaksi Rakan Sekursus	di dalam kelas sidang video -di luar kelas sidang video (untuk pelajar di kampus induk sahaja) -semasa kursus intensif -di luar kelas kursus intensif -ketika datang ke kampus USM -kelas amali untuk pelajar yang mengambil kursus sains	-interaksi pelajar-rakan sekursus melalui Sistem Pengurusan Pembelajaran -internet -laman web PPPJJ USM -telefon -mel elektronik -surat -faks
Kehadiran Transaksi Institusi	-ketika kursus Intensif -orientasi	-interaksi pelajar-institusi melalui Sistem Pengurusan Pembelajaran -internet -laman web PPPJJ USM -telefon -mel elektronik -surat -faks

1.1.8 PEMBELAJARAN PELAJAR DALAM PENDIDIKAN JARAK JAUH

Pembelajaran Pelajar PJJ dalam kajian ini merujuk kepada kepuasan pembelajaran, pencapaian pembelajaran dan pengekalan pembelajaran. Kepuasan pembelajaran boleh dianggap sebagai jumlah penilaian subjektif pelajar tentang pengalamannya dalam sesuatu program atau sesuatu institusi kerana ia dibentuk secara berterusan oleh pengalaman yang berulang dalam kehidupan kampus (Elliott & Shin, 2002). Pencapaian pembelajaran ditakrifkan sebagai persepsi pelajar terhadap manfaat menyertai kursus PPPJJ USM. Manfaat itu adalah berkenaan dengan sama ada

perkembangan professional dalam kerja atau lebih umum perkembangan/kemajuan dalam daya intelektual mereka. Pengekalan pembelajaran dalam sistem ditakrifkan sebagai kemungkinan seseorang untuk terus mendaftar di sesuatu institusi pendidikan (Bean, 1982).

1.1.9 KEHADIRAN TRANSAKSI DAN PEMBELAJARAN PELAJAR

KT dalam kajian ini terbahagi kepada tiga jenis iaitu KT pensyarah, KT rakan sekursus dan KT institusi. Pembelajaran pelajar pula terbahagi kepada tiga jenis iaitu kepuasan pembelajaran, pencapaian pembelajaran dan pengekalan pembelajaran. Hasil kajian Shin (2003) menunjukkan terdapat hubungan antara KT pensyarah, KT rakan sekursus dan KT institusi dengan pembelajaran pelajar. Kajian Jung et al. (2002) dan Moore (1980, 1990) menunjukkan terdapat hubungan antara KT pensyarah, KT rakan sekursus dengan pembelajaran pelajar. Coppola et al. (2001), Picciano (1998), Rodriguez et al. (1996), Spaulding (1995), Munro (1991, 1998), Christophel (1990), Kelley & Gorham (1988) dan Gorham (1988) mendapati terdapat hubungan antara KT pensyarah dengan pembelajaran pelajar. Manakala Vrasidas dan McIsaac (1999), Irani (1998), Soo dan Bonk (1998), Hawisher dan Pemberton (1997), Choi et al. (1996), Morgan dan Thorpe (1993), Kirkup dan Priimmer (1990), Amundsen dan Bernard (1989) pula mendapati terdapat hubungan antara KT rakan sekursus dengan pembelajaran pelajar. Kajian Rashid et al., (1993), Sewart (1983, 1993), Peter (1983) dan Keegan (1980) pula mendapati terdapat hubungan antara KT institusi dengan pembelajaran pelajar.

1.2 PERNYATAAN MASALAH

Dalam sistem PJJ, pelajar biasanya dibantu dan disokong oleh pensyarah, rakan sekursus, staf institusi, rakan dan keluarga selain bahan pembelajaran seperti bahan pembelajaran atas talian, buku kerja, buku teks PJJ, nota kuliah, laman web, muat turun bahan pembelajaran dan pangkalan data atas talian (Clarke, 2004). Jadi, pensyarah, rakan sekursus dan institusi merupakan komponen penting dalam mempengaruhi pembelajaran pelajar.

Unsur utama dalam PJJ iaitu wujudnya pemisahan fizikal antara pelajar dan pensyarah telah menjadi topik kajian yang hangat bagi kebanyakan pengkaji dalam bidang ini. Sesiapa yang telah mengkaji literatur PJJ akan bersetuju dengan satu kenyataan iaitu jarak psikologi adalah lebih penting daripada jarak fizikal. Bergantung kepada struktur pengajaran PJJ, pelajar akan merasa tahap jarak yang berbeza daripada pensyarah. Jarak psikologi telah dikemukakan secara tidak langsung di bawah istilah ‘Kehadiran Transaksi’, ‘Interaksi dan Komunikasi’, ‘Jarak Transaksi’, ‘Kehadiran’, ‘Telekehadiran’ dan ‘Kehadiran Sosial’.

Pengkaji ingin mengkaji persepsi kehadiran psikologi pelajar PJJ terhadap pembelajaran pelajar. ‘Persepsi kehadiran’ ditakrifkan sebagai darjah persepsi pelajar PJJ terhadap ketersediaan dan kewujudan hubungan dengan setiap pihak yang terlibat (Shin, 2003). Bentuk kehadiran ini diistilahkan sebagai ‘Kehadiran Transaksi’ (Shin, 2003). Dalam kajian ini, pembelajaran pelajar PJJ ialah persepsi pelajar terhadap kepuasan pembelajaran, pencapaian pembelajaran dan pengekalan pembelajaran. Penyelidikan ini bertujuan untuk melihat sama ada terdapat persamaan hasil kajian yang menggunakan